



MDBG

**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
JALAN HAJI ABDUL WAHAB
31000 BATU GAJAH.**

SYARAT-SYARAT LESEN PUSAT LATIHAN SUKAN SNUKER

Syarat-syarat / MDBG / JKAPP-49 Pind.02	No. Telefon	05-3632020-3632030
	No. Fax	05-3665930
	E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

1. Lesen ini tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah.
2. Lesen hendaklah dipamerkan setiap masa ditempat yang mudah dilihat.
3. Premis hanyalah dibenarkan dibuka untuk orang awam **mulai jam 10.00 pagi hingga jam 12.00 malam** sahaja dan masa terakhir bermain ialah jam 11.30 malam.
4. Pemegang Lesen hendaklah **mempamerkan notis awam** seperti berikut:-
 - i. Dilarang minum **arak / merokok**
 - ii. **18 tahun ke atas** sahaja
 - iii. Pusat Latihan Sukan Snuker
 - iv. Murid **berpakaian seragam sekolah** tidak dibenarkan masuk.
5. Tiada sekatan dibuat didalam premis dan dinding cermin dibahagian luar hendaklah yang telus Cahaya dan mudah dilihat dari luar. Penggunaan langsir atau cermin gelap adalah dilarang sama sekali.
6. Menjaga kebersihan di dalam premis dan persekitarannya pada setiap masa.
7. Mengadakan perlindungan insuran bagi menjamin keselamatan orang ramai yang masuk ke tempat hiburan.
8. Mengawasi paras bunyi di dalam tempat hiburan dan memastikan bahawa bunyi tersebut tidak mewujudkan kacau ganggu
9. Pintu premis hendaklah sentiasa ditutup untuk mengelakkan bunyi bising.
10. Menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap dan hendaklah sentiasa diselenggara supaya ianya berada dalam keadaan baik.
11. Menjaga keselamatan orang awam dengan mematuhi syarat-syarat dan keperluan pihak bomba.

12. Mengadakan alat pemadam api yang mencukupi, selamat dan boleh digunakan.
13. Memastikan peredaran udara di dalam premis dalam keadaan baik dan mencukupi pada setiap masa. Pencahayaan di dalam premis hendaklah **melebihi 300 Lux** (sama dengan tahap keterangan normal bagi pejabat) dan tiada lampu warna-warni dibenarkan dipasang.
14. Memastikan tiada hiburan lain selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan di tempat hiburan.
15. Mempastikan bilangan mesin hiburan di dalam tempat hiburan tidak melebihi had bilangan yang dinyatakan dalam permohonan. **(12 buah meja snuker sahaja).**
16. Hiburan lucah atau berbentuk lucah tidak dibenarkan didalam mana – mana tempat hiburan.
17. Gambar / poster lucah tidak dibenarkan ditampal di dinding premis.
18. Memastikan semua pelaku dalam tempat hiburan berpakaian sopan.
19. Tidak dibenarkan orang yang mabuk masuk atau berada di dalam mana – mana tempat hiburan.
20. Memastikan tiada apa-apa pertaruhan, Loteri atau perjudian sebagaimana yang Ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaruhan 1953 dijalankan dalam premis hiburan tersebut.
21. Memastikan tiada bir atau minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di Tempat hiburan.
22. Pihak Majlis Daerah Batu Gajah berhak mengeluarkan syarat –syarat tambahan pada bila-bila masa dan Pihak Majlis Daerah Batu Gajah boleh menarik balik lesen yang diluluskan sekiranya pihak pengusaha melanggar salah satu syarat yang telah ditetapkan.

ARAHAN,

**Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah**

Tarikh kemaskini : 23 Jun 2023